MOKHTAR NGAH & CO A

lwn.

YEE SENG PLANTATIONS SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU B
AHMAD MAAROP H
[SAMAN PEMULA NO: 24-46-2003]
11 JULAI 2007

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Kos - Tuntutan bayaran - Perjanjian Saraan - Sama ada perjanjian champerty - Sama ada bertentangan dengan s. 112(1)(b) Akta Profesion Undang-Undang 1976 - Sama ada Perjanjian Saraan adil - Sama ada Perjanjian Saraan dan 'Warranty to Act' diserahkan untuk pembatalan - Akta Profesion Undang-Undang 1976, s. 118(3)* C

D

Dalam saman pemula (kandungan 2) plaintif, selaku peguam defendan, menuntut defendan membayar kepadanya bayaran berjumlah RM180,000,000 selain dari berhak kepada bayaran party to party cost yang diawardkan kepada defendan dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia Rayuan Sivil No. T-01-105-97 dan yang perlu E dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan dalam Mahkamah Tinggi Guaman Sivil No. 24(21)-66-1997. Permohonan plaintif dibuat di bawah s. 116 dan s. 118 Akta Profesion Undang-Undang 1976. Faktanya adalah pada 17 November 1991, satu Perintah Persetujuan telah dibuat memerintahkan Pihak Berkuasa Negeri F memindahkan kepada defendan 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession. Pihak Berkuasa Negeri telah gagal untuk mematuhi perintah persetujuan tersebut. Pada 29 Mei 1997, Kerajaan Negeri Terengganu telah memfailkan saman pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu terhadap defendan, *inter alia*, memohon pengisytiharan bahawa G Perintah Persetujuan tersebut tidak mengikat mereka atau tidak sah di sisi undang-undang. Defendan melantik plaintif untuk mengambil tindakan untuk menguatkuasakan perintah persetujuan tersebut. Pada 25 Oktober 1997, mahkamah telah memutuskan bahawa Perintah Persetujuan tersebut tidak mengikat Kerajaan Negeri H Terengganu dan dengan sebab itu Perintah Persetujuan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan terhadap Kerajaan Negeri. Defendan telah menjadi semakin tidak puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif tetapi bersetuju untuk menangguhkan keputusannya untuk menamatkan perkhidmatan plaintif sebagai I peguamnya. Berikutan itu defendan melantik seorang peguam lain, R.R Sethu sebagai kaunsel kanan defendan dan plaintif dikehendaki

membantu sahaja. Pada 12 Jun 2000, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan defendan dan dengan itu perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dibatalkan dan Perintah Persetujuan tersebut dihidupkan semula. Pada bulan Julai 2001, 5,000 ekar tanah di Kerteh telah dipindah milik kepada defendan dan pada bulan Mac 2003 5000 tanah di Ketengah dipindah milik kepada defendan. Plaintif bergantung kepada (1) Authority/Warrant to Act bertarikh 18 Ogos 1997 (DMN1) dan (2) Perjanjian Saraan bertarikh 26 Ogos 1997 (DMN2). Plaintif mendakwa bahawa di bawah Perjanjian Saraan tersebut beliau berhak diberi 1/3 dari nilaian tanah yang diperolehi oleh defendan. Initipati kes defendan pula adalah melalui perjanjian secara lisan antara defendan dan plaintif, defendan telah melantik plaintif sebagai peguam dan bagi perkhidmatan tersebut, defendan bersetuju membayar kepada plaintif fee yang munasabah iaitu RM148,000. Oleh kerana telah ada perjanjian lisan tersebut, tidak ada sebab bagi defendan untuk memasuki Perjanjian Saraan. Menurut defendan, Perjanjian Saraan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana ianya batal (void) atas alasan (i) ketiadaan balasan (total failure of consideration): Ini adalah berikutan dengan adanya perjanjian lisan yang telah dibuat dalam bulan Julai 1997 dan (ii) ianya berbentuk Champerty dan melanggar peruntukan di bawah s. 112 Akta Profesion Undang-Undang. Menurut defendan juga, Warrant to Act itu telah menjadi redundant kerana defendan telah memutuskan untuk tidak menuntut kos.

Diputuskan (menolak permohonan plaintif dalam saman pemula (kandungan 2)):

(1) Di bawah Perjanjian Saraan itu, plaintif akan dibayar satu pertiga dari jumlah/nilai penghakiman, atau satu pertiga dari jumlah/nilai yang dipersetujui, yang diperolehi dari kes-kes yang berkaitan dengan Kerteh Concession (yang merangkumi kes yang berkaitan dengan Ketengah Concession). Jumlah/nilai penghakiman akan diperolehi apabila defendan berjaya dalam kes-kes atau perkara-perkara mengenai kedua-dua konsesi tersebut, selepas penghakiman dimasukkan oleh mahkamah memihak kepada defendan selepas perbicaraan. Dalam situasi pertama ini, kejayaan dicapai apabila jumlah/nilai penghakiman diperolehi. Manakala dalam situasi kedua pula, jumlah/nilai yang dipersetujui akan diperolehi jika kes-kes itu dapat diselesaikan di antara defendan dengan pihak Berkuasa Negeri Terengganu tanpa perbicaraan dengan Pihak Berkuasa tersebut bersetuju membayar jumlah/nilai yang dipersetujui oleh

defendan. Dalam situasi kedua ini kejayaan dicapai apabila jumlah/nilai yang dipersetujui diperolehi. Tidak kira situasi mana yang akan berlaku, adalah jelas bahawa plaintif akan menerima habuannya pada kadar satu pertiga, hanya jika kejayaan dicapai oleh defendan terhadap Pihak Berkuasa Negeri Terengganu di dalam kes-kes yang melibatkan kedua-dua konsesi tersebut. Oleh itu, Perjanjian Saraan tersebut adalah Perjanjian Champerty dan/atau bertentangan dengan peruntukan di bawah s. 112(1)(b) Akta Profesion Undang-Undang 1976. (perenggan 25)

(2) Keadaan defendan sebelum Perjanjian Saraan dipersetujui adalah anak guam yang berada dalam keadaan yang begitu terdesak apabila ia gagal mendapatkan 10,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan Ketengan Concession. Soal penerangan kepada defendan tentang implikasi perjanjian dalam Authority/Warrant to Act dan Perjanjian Saraan tersebut tidak dijelaskan oleh plaintif. Setelah menimbangkan keadaan-keadaan yang membawa kepada kedua-dua dokumen tersebut dibuat, khususnya Perjanjian Saraan tersebut, ia boleh diputuskan bahawa pada masa yang material, defendan berada dalam keadaan yang tidak setara dengan plaintif. Plaintif berada dalam keadaan yang lebih advantageous jika dibandingkan dengan defendan. Keadaan tersebut telah memberikan kesempatan kepada plaintif dan kesempatan tersebut telah diambil oleh plaintif untuk mempengaruhi defendan untuk mendapatkan bargain yang memberi kelebihan kepadanya dalam bentuk Perjanjian Saraan tersebut. Perjanjian Saraan itu adalah tidak adil. (perenggan 37)

(3) Dokumen-dokumen dan rekod-rekod tentang pertimbangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan itu adalah rahsia rasmi di bawah s. 2 Akta Rahsia Rasmi 1972. Tiada keterangan dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan bahawa keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam meluluskan 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengan Concession telah dipengaruhi atau disebabkan oleh kerja-kerja yang telah dibuat atau usaha-usaha yang telah diambil oleh plaintif sendiri dan/atau melalui Setiausaha Kerajaan Negeri dan/atau plaintif sendiri dan/atau melalui Setiausaha Kerajaan Negeri dan/atau Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri yang lain. Malah tiada keterangan dikemukakan untuk membuktikan kaitan yang munasabah dan meyakinkan di antara keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut dengan usaha-usaha yang didakwa oleh plaintif telah diambilnya. (perenggan 45)

(4) Tiada terdapat bukti yang mencukupi dan meyakinkan untuk menunjukkan bahawa adalah munasabah bagi plaintif menerima bayaran pada kadar 1/3 dari jumlah penghakiman atau jumlah yang dipersetujui seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Saraan. Perjanjian Saraan tersebut adalah batal (void). Perjanjian DMN1 pula yang mengandungi perjanjian untuk memberikan kos pihak ke pihak sebagai habuan kepada plaintif dibuat hanya seminggu sebelum Perjanjian Saraan dibuat. Keadaan yang membawa kepada perjanjian dalam DMN1 dan Perjanjian Saraan dibuat adalah sama. Seteleh membuat pertimbangan, didapati perjanjian dalam DMN1 adalah tidak adil dan tidak munasabah dan adalah batal. Oleh itu, Perjanjian Saraan dan juga Authority/ Warrant to Act diserahkan untuk pembatalan. Apa-apa kos, fee dan perbelanjaan yang dikatakan telah dibuat dan ditanggung mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam dokumen-dokumen tersebut hendaklah ditaksirkan (taxed) dengan cara yang sama dan menurut kaedah-kaedah yang sama seolah-olah dokumen-dokumen tersebut tidak dibuat, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 118(3) Akta Profesion Undang-Undang 1976. (perenggan 46 & 50)

Kes-kes yang dirujuk:

Asbir, Hira Singh & Co v. Supramaniam Pitchaimuthu & Ors [2000] 1 CLJ 7 HC ***(dirujuk)***

In re A Solicitor Ex parte The Law Society [1912] 1 KB 302 ***(dirujuk)***

In Re Attorneys And Solicitors Act 1870 [1875] Ch 573 ***(dirujuk)***

In re Stuart Ex parte Cath Cart [1893] 2 QB 204 ***(dirujuk)***

Lau Liat Meng v. Disciplinary Committee [1967] 1 LNS 76 PC ***(diikuti)***

Law Society of Singapore v. Chan Chow Wang [1974] 1 LNS 67 HC ***(dirujuk)***

Rhina Bhar v. Koid Hong Keat [1992] 3 CLJ 1465; [1992] 3 CLJ (Rep) 476 HC ***(dirujuk)***

Tara Rajaratnam v. Datuk Jagindar Singh & Ors [1982] 1 LNS 106 HC ***(dirujuk)***

Westmelton (Vic) Pty Ltd (Receiver And Manager Appointed) v. Archer And Shulman [1982] VR 305 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, ss. 24, 25

Legal Profession Act 1976, ss. 112(1)(b), 116, 118(1), (2), (3)

Official Secrets Act 1972, s. 2

Rules of the High Court 1980, O. 28 rr. 4, 8

Attorneys and Solicitors Act 1870 [UK], ss. 8, 9

Bagi pihak plaintif - Mokhtar Ngah; T/n Mokhtar Ngah & Co; T/n Jagjit Singh & Co
Bagi pihak defendan - IN Jeganathan; T/n SK Yeoh & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop H:

[1] Dalam saman pemula (kandungan 2) plaintif, selaku peguam defendan, menuntut defendan membayar kepadanya bayaran berjumlah RM180,000,000, selain dari berhak kepada bayaran party to party cost yang diawardkan kepada defendan dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia, Rayuan Sivil No. T-01-105-97 dan yang perlu dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan dalam Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu Guaman Sivil No. 24(21)-66-1997.

[2] Seperti yang disebut dalam intitulemen saman pemula ini, permohonan plaintif dibuat di bawah s. 116 dan s. 118 Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166).

Latar Belakang Kepada Pertikaian Antara Plaintif Dan Defendan Dalam Kes Ini

[3] Di antara fakta-fakta material yang menjadi latar belakang kes ini adalah seperti berikut:

(a) Pada 17 November 1991, dalam Saman Pemula No. 21(24)-87-89, (di antara defendan dan (1) Pengarah Tanah dan Galian Terengganu, (2) Collector of Land Revenue Kemaman, (3) Menteri Besar Terengganu), satu perintah persetujuan telah dibuat (perintah persetujuan tersebut).

(b) Perintah persetujuan tersebut antara lainnya, memerintahkan pihak berkuasa negeri memindahkan kepada defendan, (a) 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan (b) 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession.

(c) Pihak berkuasa negeri telah gagal untuk mematuhi perintah persetujuan tersebut.

(d) Pada 29 Mei 1997, Kerajaan Negeri Terengganu telah memfailkan Saman Pemula No. 24(21)-66-1997 di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu terhadap defendan, *inter alia*, memohon pengisytiharan bahawa perintah persetujuan tersebut tidak mengikat mereka atau tidak sah di sisi undang-undang.

(e) Dalam bulan Julai 1997, defendan telah melantik plaintif untuk mengambil tindakan untuk menguatkuasakan perintah persetujuan tersebut. Pelantikan ini dibuat secara lisan dan dibuat atas kepercayaan defendan bahawa ia akan membayar kepada plaintif fee yang munasabah untuk perkhidmatan yang diberikan.

(f) Pada 30 Julai 1997, plaintif telah memfailkan satu notis usul untuk memohon perintah supaya pihak berkuasa negeri mematuhi perintah persetujuan tersebut. Berkaitan dengan notis usul ini plaintif telah menyediakan dan memfailkan afidavit sokongan yang telah diikrarkan oleh pengarah defendan pada 30 Julai 1997 dan afidavit balasan yang telah diikrarkan oleh pengarah defendan pada 18 Ogos 1997.

(g) Untuk menentang tindakan Kerajaan Negeri Terengganu dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-1997, plaintif telah menyediakan dan memfailkan afidavit-afidavit jawapan yang telah diikrarkan oleh pengarah defendan pada 8 Ogos 1997 dan 14 September 1997.

(h) Pada 23 Ogos 1997, plaintif memfailkan satu writ saman dan pernyataan tuntutan dalam Guaman Sibil No. 22(21)-31-97 di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dan pihak berkuasa negeri, antara lainnya memohon satu perisytiharan bahawa defendan tidak lagi terikat dengan perjanjian persetujuan tersebut dan menuntut bayaran RM5 billion sebagai ganti rugi dari pihak berkuasa negeri. Defendan menyatakan bahawa ia tidak pernah memberi kuasa atau mengarahkan plaintif untuk memfailkan writ dan pernyataan tuntutan tersebut. Menurut defendan, plaintif juga tidak pernah memaklumkan kepada defendan bahawa dia akan memfailkan writ dan pernyataan tuntutan tersebut. Plaintif tidak pernah memaklumkan kepada defendan tentang writ dan pernyataan tersebut. Defendan hanya mengetahui tentang tuntutan tersebut melalui akhbar.

(i) Pada 20 September 1997, plaintif telah memfailkan saman dalam kamar untuk membatalkan Saman Pemula No. 24(21)-66-97 yang telah difailkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan Pihak Berkuasa Negeri terhadap defendan.

(j) Pada 25 Oktober 1997, plaintif telah menghadiri perbicaraan tentang saman dalam kamar tersebut dan Saman Pemula No. 24(21)-66-97.

(k) Plaintif telah gagal di dalam saman dalam kamar tersebut dan Saman Pemula No. 24(21)-66-97. Berikutan itu perkara-perkara berikut telah berlaku:

(i) Saman dalam kamar tersebut telah dibatalkan.

(ii) Mahkamah telah membenarkan dengan kos permohonan Kerajaan Negeri Terengganu dan Pihak Berkuasa Negeri dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-97 dan memutuskan bahawa perintah persetujuan tersebut tidak mengikat Kerajaan Negeri Terengganu dan dengan sebab itu perintah persetujuan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan terhadap Kerajaan Negeri.

(l) Pada 28 Oktober 1997, plaintif telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-97 tersebut. Rayuan ini telah didaftarkan sebagai Mahkamah Rayuan Malaysia Rayuan Sivil No. T-01-105-1997.

(m) Kemudian, defendan telah menjadi semakin tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif, di antara lainnya atas sebab berikut:

(i) Plaintif sering "mengejarnya" untuk menandatangani afidavit-afidavit pada saat-saat terakhir.

(ii) Plaintif telah bertindak tanpa arahan dari defendan.

(iii) Plaintif tidak memberikan laporan tentang status atau butir-butir tentang perkhidmatan yang diberikan olehnya.

(n) Pada 21 November 1999 defendan telah mengadakan pertemuan dengan plaintif di pejabat defendan. Dalam pertemuan itu, defendan telah memaklumkan kepada plaintif bahawa ia tidak berpuas hati dengan perkhidmatan plaintif dan akan menamatkan perkhidmatan plaintif dan bahawa peguamcara baru Tetuan Balwant Singh & Co, akan mengambil alih.

(o) Plaintif telah membuat rayuan supaya perkhidmatannya tidak ditamatkan kerana itu akan memalukannya. Sebagai tanda muhibah, defendan telah bersetuju untuk menangguhkan keputusannya untuk menamatkan perkhidmatan plaintif sebagai peguamnya. Berikutan itu defendan juga telah memaklumkan kepada plaintif bahawa ia akan melantik seorang peguam lain sebagai kounsel kanan defendan dan plaintif dikehendaki membantu kounsel kanan tersebut.

(p) Sekitar Mei 1998, defendan telah melantik peguam RR Sethu sebagai kounsel kanannya untuk bertindak mewakilinya dalam rayuannya di Mahkamah Rayuan.

(q) Pada 12 Jun 2000, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan defendan dengan kos, dan dengan itu perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-97 dibatalkan dan perintah persetujuan tersebut dihidupkan semula (restored).

(r) Pada bulan Julai 2001, 5,000 ekar tanah di Kerteh telah dipindah milik kepada defendan.

(s) Pada bulan Mac 2003, 5,000 tanah di Ketengah dipindah milik kepada defendan.

Kes Plaintif

[4] Plaintif bergantung kepada:

(a) Authority/Warrant to Act bertarikh 18 Ogos 1997 (DMN1, kandungan 2);

(b) Perjanjian Saraan bertarikh 26 Ogos 1997 (DMN2 kandungan 2).

Plaintif menyatakan bahawa dia berhak mendapatkan bayaran seperti yang dipersetujui oleh plaintif dan defendan dalam kedua-dua dokumen tersebut.

Plaintif mendakwa bahawa di bawah Perjanjian Saraan tersebut dia berhak diberi 1/3 dari nilaian tanah yang diperolehi oleh defendan (5,000 ekar di Kerteh dan 5,000 ekar di Ketengah).

Menurut plaintif, bagi tanah di Kerteh dia berhak kepada bayaran di antara RM91.16 juta hingga RM273.5 juta. Bagi tanah di Ketengah pula dia berhak kepada 1/3 dari RM25 juta.

[5] Dalam hujah lisannya, peguam plaintif berhujah bahawa plaintif berhak kepada 1/3 dari nilai judgment (RM550,000,000), iaitu RM180,000,000. Ini adalah atas perkiraan bahawa harga seekar tanah tersebut pada tahun 1985 telah dinilaikan pada kadar RM55,000 bagi satu ekar. Jadi, berdasarkan kepada perkiraan ini defendan telah memperolehi tanah yang bernilai RM550,000,000. Peguam berhujah bahawa plaintif berhak kepada RM180,000,000 dan party to party cost. Secara alternatifnya, peguam plaintif berhujah bahawa sekiranya mahkamah berpendapat bahawa bayaran RM180,000,000 itu adalah terlalu tinggi, plaintif bersedia menerima

keputusan di mana dari RM180,000,000 itu, ditolak (set off) dengan amaun yang ditetapkan oleh Penolong Kanan Pendaftar selepas menjalankan taksiran ke atas bil kos plaintif. Berikutan dengan kaedah ini, peguam plaintif berhujah katakanlah selepas taksiran, Penolong Kanan Pendaftar menetapkan kos sebanyak RM50 juta, maka RM50 juta ini boleh ditolak dari RM180,000,000 dan plaintif bersedia menerima RM130,000,000 sahaja.

[6] Bagi plaintif tidak ada factual dispute dalam kes ini.

Kes Defendan

[7] Intipati kes defendan adalah seperti berikut:

(a) Ada perjanjian dibuat secara lisan antara defendan dan plaintif pada bulan Julai 1997, di mana defendan telah melantik plaintif sebagai peguam untuk:

(i) Menguatkuasakan perintah persetujuan tersebut; dan

(ii) Membatalkan Saman Pemula No. 24(21)-66-97.

Bagi perkhidmatan tersebut, defendan bersetuju membayar kepada plaintif, fee yang munasabah. Bayaran RM148,000 telah pun dibuat oleh defendan kepada plaintif.

(b) Oleh kerana telah ada perjanjian lisan tersebut, tidak ada sebab bagi defendan untuk memasuki Perjanjian Saraan.

(c) Perjanjian Saraan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana ianya batal (void) atas alasan:

(i) Ketiadaan balasan (total failure of consideration): Ini adalah berikutan dengan adanya perjanjian lisan yang telah dibuat dalam bulan Julai 1997.

(ii) Ianya melanggar peruntukan di bawah s. 112 Akta 166. Perjanjian Saraan tersebut bersifat champertous.

(d) Perjanjian Saraan itu juga batal (void) di bawah s. 24 dan s. 25 Akta Kontrak 1950.

(e) Perjanjian Saraan itu boleh dibatalkan oleh defendan (voidable) atas alasan undue influence.

(f) Warrant to act itu telah menjadi redundant kerana defendan telah memutuskan untuk tidak menuntut kos. Jadi, hak plaintif untuk set off kos defendan dengan legal fees menjadi redundant.

(g) Defendan juga berhujah bahawa terdapat pertikaian yang serius tentang fakta-fakta dalam kes ini, dan ini menjadikan saman pemula plaintif tidak sesuai, dan oleh itu, berdasarkan kepada A. 28 k. 4 dan k. 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, saman pemula plaintif wajar diteruskan seolah-olah ia telah dimulakan dengan writ dan mahkamah hendaklah memberikan arahan tentang hala tuju tindakan plaintif ini.

Pertimbangan Dan Keputusan Mahkamah

[8] Sebelum meneruskan dengan penghakiman ini selanjutnya, saya ingin menyatakan bahawa setelah menimbangkan keterangan afidavit yang ada di hadapannya, mahkamah memutuskan bahawa:

(i) Terdapat perjanjian lisan di antara plaintif dan defendan yang dibuat dalam bulan Julai 1997, melantik plaintif sebagai peguam untuk mengambil tindakan untuk menguatkuasakan perintah persetujuan tersebut. Di bawah perjanjian lisan itu, defendan bersetuju membayar kepada plaintif, fee yang munasabah untuk perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif selaku peguam bagi pihak defendan. Berkaitan dengan ini bayaran sebanyak RM148,000 telah pun dibuat oleh defendan kepada plaintif.

(ii) Authority/Warrant to Act bertarikh 18 Ogos 1997 dan Perjanjian Saraan bertarikh 26 Ogos 1997 telah ditandatangani oleh defendan dan plaintif. Keadaan-keadaan yang membawa kepada kedua-dua dokumen itu ditandatangani akan saya perkatakan sebentar lagi apabila saya menimbangkan sama ada kedua-dua dokumen itu adil atau munasabah.

Perjanjian Saraan (Agreement Of Remuneration) Bertarikh 26 Ogos 1997 (DMN2 – Kandungan 2)

[9] Perjanjian Saraan tersebut menyatakan:

> Re: All Cases/Matters Pertaining to Kerteh Concession Terengganu Appoinment/Engagement of Messrs Mokhtar Ngah & Co. As Solicitors/ Counsel and Irrevocable Agreement of Remuneration Pursuant to the above.
>
> Further to our instructions for Messrs. Mokhtar Ngah & Co. to conduct the above matters, please be informed that we irrevocably agree **that the rate of remuneration of one third of the agreed/judgment sum/value achieved from the above cases payable immediately after agreement or judgment of the same.** Nevertheless we undertake to pay all other fees and disbursements from time to time and further due to magnitude and complexity of these matters and that we further agree to pay any other counsel or counsels to be engaged for the above purposes if necessary.

[10] Sehubungan ini, defendan berhujah bahawa perjanjian tersebut adalah champerty dan bertentangan dengan s. 112 Akta 166.

[11] Manakala plaintif pula menyatakan bahawa ianya bukan champerty kerana menurutnya, "Champerty occurs when the whole fees totally depend on the outcome of the litigation. But here as the matters were sizeable, mechanism of fees were different in which it has been agreed to be structured so as to include progress and additional payment". Plaintif berhujah bahawa di bawah s. 116 Akta 166, perkataan "otherwise" tidak membawa maksud jumlah yang tetap tetapi termasuklah apa-apa kaedah pengiraan.

[12] Persoalannya yang timbul ialah sama ada Perjanjian Saraan tersebut adalah champerty?.

[13] Seksyen 112 Akta 166 memperuntukkan:

> (1) Except as expressly provided in any written law, or by rules made under this Act, no advocate and solicitor shall:
>
> (a) purchase or agree to purchase either directly or indirectly an interest or any part of the interest which is the subject matter of his client or that of the other party in the same suit, action or other contentious proceeding brought or to be brought or maintained; or
>
> (b) enter into any agreement by which he is retained or employed to prosecute any suit or action or other contentious proceeding which stipulates for or contemplates payment only in the event of success in such suit, action or proceeding.

[14] Dalam kes *In re A Solicitor Ex parte The Law Society* [1912] 1 KB 302, dalam menghuraikan maksud champerty, Darling H, menyatakan:

> But there was something more. The terms on which the respondent conducted the business were such that they amounted to champerty in law. Champerty, as the word implies, was originally common in times when there was little property of any value except land. Most early litigation was about land, and when the bargain was one which resulted in the partition of a field, what was recovered was champerty between the solicitor and the person who claimed it. One got so much and the other so much, and that was forbidden, because it led to speculative litigation, and the harassing of persons who ought to feel secure in their rights, for the benefit of lawyers and other speculative parties. The facts of this case bring it absolutely within the definition of champerty given in *In re Attorneys and Solicitors Act* 1870 (2), by Sir George Jessel MR in his judgment. After dealing with several other points he continued: "I may, however, say, for the guidance of the parties, that the

A agreement is, in my opinion, pure champerty, as it gives to the solicitor, in the event of success, what is equivalent to a tenth part of the property to be recovered."

Now the respondent had a distinct interest in the amount which he would recover. **His commission for bringing an action was to be**
B **governed, the percentage being fixed, by the amount recovered.** It is perfectly plain, upon the uncontradicted facts which were laid before the Committee of Law Society, that he tried to get the costs out of defendants in addition to the commission which he would receive from this debt-collecting agency, which was practically carried on in his own office, and with his own money. He would receive something from
C the plaintiffs, and what he would get from the defendants as well. That was champerty.

[15] Dalam kes *In Re Attorneys And Solicitors Act 1870* [1875] Ch 573, mahkamah telah dipohon memberikan pandangan terhadap
D suatu perjanjian, yang dibuat di antara anak-anak guam dan peguamcara-peguamcara yang dinamakan dalam perjanjian tersebut, di mana telah dipersetujui bahawa jika peguamcara-peguamcara berkenaan berjaya mendapatkan harta tertentu untuk anak-anak guam berkenaan, peguamcara-peguamcara berkenaan patut mendapat 10 peratus nilai bersih harta tersebut.

E

[16] Dalam kes itu Jessel MR menyatakan di ms 375:

The meaning of s. 4 of the Attorneys and Solicitors Act, 1870, is that a solicitor may make what agreement he likes with his clients, but that he is not to receive any payment under it unless the Taxing Master
F considers it fair and reasonable; and if he does not consider it so, he may require the opinion of the Court or Judge to be taken on it.

To provide against champerty, it is provided in s. 11 that "nothing in this Act contained shall be construed to give validity to any purchase by a solicitor of the interest, or any part of the interest, of his client in
G any suit, action, or other contentious proceeding to be brought or maintained, *or to give validity to any agreement by which a solicitor, retained or employed to prosecute any suit or action, stipulates for payment only in the event of success in such suit, action, or proceeding." in other words, any agreement which amounts to champerty.*

H In this case I need not give any opinion as to what is fair and reasonable, for nothing is yet payable under it, and I am of opinion that the solicitor cannot require my opinion to be taken on it until something is payable.

I may, *however, say for the guidance of the parties, that the agreement is*
I *in my opinion, pure champerty, as it gives to the solicitor, in the event of success, what is equivalent to a tenth part of the property to be recovered.*

[17] Dalam kes *Law Society of Singapore v. Chan Chow Wang* [1974] 1 LNS 67, responden telah membuat perjanjian untuk memotong RM10 bagi setiap RM100 ganti rugi yang diawardkan berkaitan dengan tindakan yang dikendalikannya. Disciplinary Committee dalam kes itu mendapati bahawa perjanjian itu adalah perjanjian Champertous. Keputusan itu telah dipersetujui oleh mahkamah dalam rujukan kepada tiga orang hakim.

[18] Dalam *Rhina Bhar v. Koid Hong Keat* [1992] 3 CLJ 1465; [1992] 3 CLJ (Rep) 476, responden telah membuat aduan kepada Majlis Peguam terhadap beberapa peguam termasuk perayu. Aduan terhadap perayu adalah berdasarkan kepada suatu perjanjian lisan di mana responden akan dibayar 10 peratus amaun yang dipungut oleh perayu daripada Klien dalam tuntutan kemalangan jalan raya yang diperkenalkan oleh responden kepada perayu. Suatu jawatankuasa tatatertib telah dilantik oleh Hakim Besar dan responden telah memfailkan pernyataan aduannya berserta dengan butir-butir kes-kes yang telah dirujukkan kepada perayu dan pembayaran yang telah diterimanya dari perayu dalam beberapa tahun. Jawatankuasa Tatatertib mendapati bahawa tindakan tatatertib harus diambil terhadap perayu dan berikutan itu jawatankuasa tersebut telah menggantungkan perayu daripada menjalankan amalan guamannya selama tiga bulan. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut.

[19] Ketika memanggil perayu untuk memasukkan pembelaannya, jawatankuasa tatatertib telah menyatakan:

> This committee is also satisfied from the evidence adduced from the complainant and the witnesses called by the complainant that there is an oral agreement made between the complainant and the respondent whereby the respondent shall be entitled to take 30% of every accident claim settled or awarded as compensation from the respective victims or claimants. Further, this committee also found that the respondent agreed to share her fees with the complainant to the extent of 10% of the amount settled or awarded as compensation in respect of accident cases which were introduced by the complainant and handled by the respondent. **Such a champertous agreement made is wrong and in contravention of the Legal Profession Act 1976.**

[20] Di dalam perintah akhirnya pula, jawatankuasa tersebut telah menyatakan bahawa:

> The committee therefore found as a fact that there was an agreement between the respondent and the complainant that the respondent was to retain 30% of the amount awarded as compensation for each accident claim introduced by the complainant to the respondent and out of the said amount retained, the respondent was to pay the complainant 10% of the amount of each claim.

[21] Rayuan perayu telah ditolak oleh mahkamah. Di dalam penghakimannya, antara lain mahkamah menyatakan bahawa:

> But reading the complaint, it is very dear that the non-payment of money complained about arose from a champerty agreement which contravened the Act and the Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978.

[22] Di dalam kes *Lau Liat Meng v. Disciplinary Committee* [1967] 1 LNS 76, perayu seorang peguambela dan peguamcara di Singapura telah dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib atas dua pertuduhan salah laku. Salah satu dari pertuduhan tersebut adalah mengenai perjanjian champertous yang dikatakan telah dibuat oleh perayu di mana dia akan mengambil sebagai saraannya, 25 peratus dari gantirugi yang diperolehi kelak. Jawatankuasa Tatatertib telah membuat keputusan bahawa perayu telah memasukki suatu perjanjian champertous. Mahkamah Tinggi mengesahkan keputusan Jawatankuasa tersebut. Perayu telah merayu ke Privy Council. Privy Council menolak rayuan perayu berkaitan dengan keputusan bahawa perayu telah memasuki perjanjian champertous. Sehubungan ini, dalam menyampaikan penghakiman Privy Council, Lord Hodson menyatakan:

> There was in addition a charge investigated before the Disciplinary Committee that *the appellant had entered into a champertous agreement with the client Cham Siew Wai to take 25% of the damages if any were recovered by way of remuneration for his service.*
>
> The appellant was charged in the amended statement of case, omitting charges 8(ii) and 8(iv), which were treated as alternative charges, as follows:
>
> 8(i) received or accepted payment of money from the said Cham Siew Wai, namely, $700, contrary to the provisions of section 17(3) of the Motor Vehicles (Third-Party Risks and Compensation) Ordinance 1960, and thereby has been guilty of grossly improper conduct in the discharge of his professional duty within the meaning of section 25(2)(b) of the Advocates and Solicitors Ordinance (Chapter 188);
>
> (iii) *entered into an agreement with the said Cham Siew Wai which he knew or ought to have known was champertous, namely an agreement to receive for remuneration for his professional services by way of percentage on the amount which might be recovered by the said Cham Siew Wai* and was thereby guilty of grossly improper conduct in the discharge of his professional duty within the meaning of section 25(2)(b) of the Advocates and Solicitors Ordinance (Chapter 188).

The champertous agreement alleged in paragraph 8(iii) can be dealt with shortly. A

There was as acute conflict of evidence; the appellant denied that he had entered into any agreement as to his professional fees, but he was disbelieved and the evidence of the client Cham Siew Wai and his witnesses was accepted. B

It was contended on behalf of the appellant that the finding of champerty should not stand since the vice of champerty is payment only in the event of success in a claim brought by action and that no action was taken or contemplated here. Their Lordships reject that contention since the terms of the first warrant to act related to a "claim for damages for the loss of my son" and clearly contemplated an action. C

The appellant relied on section 49 of the Advocates and Solicitors Ordinance (Cap. 188), which permits a solicitor to make an agreement in writing with his client for the payment of his costs by commission or percentage, so that any agreement for such payment should not be regarded as champertous unless it stipulated expressiy for payment only in the event of success (see section 57(b)) and that there was no such stipulation here. D

The answer to this contention is that an express stipulation is unnecessary since an agreement calling for payment by percentage of the amount recovered on the claim or in an action is undeniably one stipulating for payment only in the event of success. E

[23] Dalam pengamatan saya, prinsip penting yang terurai dari penghakiman tersebut ialah – untuk menjadikan sesuatu perjanjian yang dipersoalkan itu champerty, tidaklah perlu bahawa dalam F perjanjian tersebut mesti terdapat satu stipulasi yang nyata (express stipulation) yang menyatakan bahawa bayaran (kepada peguam) akan dibuat hanya jika kejayaan dicapai dalam tindakan yang berkenaan. Stipulasi yang nyata (express stipulation) tersebut adalah tidak perlu jika perjanjian yang dipertikaikan itu memperuntukkan bayaran G (kepada peguam) berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi dalam tindakan yang berkenaan. Ini adalah kerana tidaklah dapat dinafikan bahawa perjanjian yang memperuntukkan bayaran (kepada peguam) berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi dalam tindakan yang berkenaan itu adalah pada hakikatnya satu perjanjian H yang menetapkan bayaran (kepada peguam) hanya jika kejayaan dicapai dalam tindakan yang berkenaan. Dalam kes *Lau Liat Meng* itu, dalam penghakimannya, Privy Council memperkatakan tentang perjanjian yang memperuntukkan bayaran kepada peguam berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi dari tindakan yang berkenaan. I Dalam pandangan saya, prinsip yang dijelaskan dalam penghakiman

tersebut juga terpakai dalam kes di mana perjanjian yang dipertikaikan memperuntukkan bayaran kepada peguam berdasarkan kepada pecahan (atau bahagian) yang ditetapkan dari amaun yang diperolehi dalam tindakan berkenaan. Bagi saya, penetapan bayaran peguam dengan menggunakan pecahan (atau bahagian) sedemikian adalah serupa prinsipnya dengan penetapan bayaran peguam yang dibuat berdasarkan peratus dari amaun yang diperolehi. Sebagai contoh bayaran kepada peguam pada kadar 50% dari jumlah penghakiman yang dimenangi adalah sama dengan bayaran pada kadar 1/2 bahagian dari jumlah penghakiman yang diperolehi. Berikutan dengan ini, saya berpendapat prinsip yang dihuraikan daiam kes *Lau Liat Meng* itu terpakai dalam kes di hadapan saya.

[24] Adalah jelas dari penghakiman tersebut bahawa sifat champertous sesuatu perjanjian itu tidak hanya terhad kepada perjanjian yang mengandungi peruntukan (bahawa bayaran akan dibayar jika kejayaan dicapai) yang dibuat dalam tuntutan yang telah diambil. Sifat champertous juga wujud jika peruntukan (bahawa bayaran akan dibayar jika kejayaan dicapai) dibuat dalam situasi di mana tindakan, walaupun belum diambil, adalah suatu yang jelas berada dalam pertimbangan.

[25] Berbalik kepada Perjanjian Saraan (DMN2), di mana dinyatakan defendan telah bersetuju bahawa kadar saraan satu pertiga dari "the agreed/judgement sum/value" yang diperolehi (achieved) dari kes-kes di atas (iaitu yang berkaitan dengan Kerteh Concession) kena dibayar kepada plaintif serta merta selepas persetujuan atau penghakiman. Bagi saya, adalah jelas bahawa di bawah perjanjian saraan itu, plaintif akan dibayar satu pertiga dari jumlah/nilai penghakiman, atau satu pertiga dari jumlah/nilai yang dipersetujui, yang diperolehi dari kes-kes yang berkaitan dengan Kerteh Concession (yang merangkumi kes yang berkaitan dengan Ketengah Concession). Jumlah/nilai penghakiman akan diperolehi apabila defendan berjaya dalam kes-kes atau perkara-perkara mengenai kedua-dua konsesi tersebut, selepas penghakiman dimasukkan oleh mahkamah memihak kepada defendan selepas perbicaraan. Dalam situasi pertama ini, kejayaan dicapai apabila jumlah/nilai penghakiman diperolehi. Manakala dalam situasi kedua pula jumlah/nilai yang dipersetujui (agreed sum/value) akan diperolehi jika kes-kes itu dapat diselesaikan di antara defendan dengan pihak Berkuasa Negeri Terengganu tanpa perbicaraan dengan Pihak Berkuasa tersebut bersetuju membayar jumlah/nilai yang dipersetujui oleh defendan. Dalam situasi kedua ini kejayaan dicapai apabila jumlah/nilai yang dipersetujui diperolehi. Jadi, pada hemat saya, tidak kira situasi mana yang akan berlaku, (sama ada situasi

yang menghasilkan jumlah/nilai penghakiman atau situasi yang menghasilkan jumlah/nilai yang dipersetujui), adalah jelas bahawa plaintif akan menerima habuannya pada kadar satu pertiga, hanya jika kejayaan dicapai oleh defendan terhadap Pihak Berkuasa Negeri Terengganu di dalam kes-kes yang melibatkan kedua-dua konsesi tersebut. Oleh itu berdasarkan kepada otoriti-otoriti yang telah saya rujuk, tiada keraguan di fikiran saya dan saya memutuskan bahawa Perjanjian Saraan tersebut adalah perjanjian champerty dan/atau bertentangan dengan peruntukan di bawah s. 112(1)(b) Akta 166.

[26] Selanjutnya, dan/atau secara alternatifnya, s. 118(3) Akta 166 memperuntukkan:

> If the substantive terms of any agreement are deemed by the Court or the Judge to be unfair or unreasonable, the agreement may be declared void, and the Court or Judge may thereupon order the agreement to be given up for cancellation, and may direct the cost, fees, charges and disbursements incurred or chargeable in respect of the matters included therein to be taxed, in the same manner and according to the same rules as if the agreement has not been made:
>
> > Provided that the Court or Judge may amend or ratify the agreement where not all the substance of the agreement is unfair or unreasonable.

[27] Perjanjian yang disebut di bawah s. 118(3) Akta 166 ialah perjanjian yang diperuntukkan di bawah s. 116 Akta yang sama. Seksyen 116 Akta 166 memperuntukkan:

> Subject to the provisions of any written law, an advocate and solicitor may make an agreement in writing with his client respecting the amount and manner of payment for the whole or any part of his costs in respect of contentious business done or to be done by such advocate and solicitor, either by a gross sum, or otherwise, and either at the same rate or at a greater or lesser rate than the rate at which he would otherwise be entitled to be remunerated.

[28] Berikutan dengan peruntukan di bawah s. 118(3) Akta 166 itu, persoalan yang perlu diputuskan ialah sama ada Perjanjian Saraan itu adil (fair) atau munasabah (reasonable)?

[29] Sehubungan ini dalam kes *In re Stuart Ex parte Cath Cart* [1893] 2 QB 204, defendan telah melantik seorang peguamcara dalam suatu prosiding di mana defendan telah menandatangani perjanjian untuk membayar kepada peguamcara tersebut, 5 peratus dari kesemua bayaran selepas ditaksirkan melalui bil kos. Defendan telah memohon supaya perjanjian tersebut diketepikan atas alasan ianya tidak adil dan tidak munasabah. Perjanjian tersebut telah

A diketepikan oleh perintah hakim dalam kamar yang kemudiannya telah disahkan oleh divisional court. Terhadap keputusan divisional court itu, rayuan telah dibuat ke Mahkamah Rayuan. Dalam penghakimannya, Lord Esher MR menyatakan:

B The arrangement was made before the bill was seen, and was that the solicitor should receive 5 per cent, on the amount to be taxed off the bill. It is said that agreement is void, and one reason which has been given is, that it is against public policy, as bearing a resemblance to champerty, and I am not prepared to say that it is not so. Another ground was that the solicitor did not explain to the full extent the C liability which the lady was incurring. If it is void, on either of these general grounds, that does not affect the other ground brought forward, that it is void under ss. 8 and 9 of the Attorneys' and Solicitors Act, 1870. The case for our consideration does not arise under s. 4 under which the taxing officer may require the opinion of the Court to be taken whether the agreement is fair and reasonable, D but comes within ss. 8 and 9, relating to the examination and enforcement of agreements and the setting aside of improver ones. Assuming this agreement not to be void as against public policy or on the ground that its effect was not fully explained by the solicitor, what is its position under these sections? By s. 9 the Court may enforce an agreement if it appears that it is in all respects fair and reasonable. E With regard to the fairness of such an agreement it appears to me that this refers to the mode of obtaining the agreement, and that if a solicitor makes an agreement with a client who fully understands and appreciates that agreement that satisfies the requirement as to fairness. But the agreement must also be reasonable, and in determining whether it is so the matters covered by the expression "fair" cannot be re-F introduced. As to this part of the requirements of the statute. I am of opinion that the meaning is that when an agreement is challenged the solicitor must not only satisfy the Court that the agreement was absolutely fair with regard to the way in which it was obtained, but must also satisfy the Court that the terms of that agreement are reasonable. If in the opinion of the Court they are not reasonable, G having regard to the kind of work which the solicitor has to do under agreement, the Court are bound to say that the solicitor, as an officer of the Court, has no right to an unreasonable payment for the work which he has done, and ought not to have made an agreement for remuneration in such a manner. On this question it is quite clear to me that we cannot arrive at any other conclusion than that arrived at H by the Divisional Court. It is impossible to say that work which according to information given by the taxing master to the Divisional Court would be properly remunerated by a sum of 20 I, can be reasonably charged at nearly 100 I. The decision of the Court below must be affirmed, and the appeal dismissed.

I

[30] Penghakiman tersebut menghuraikan pemakaian s. 8 dan s. 9 dalam English Attorneys and Solicitors Act 1870 yang adalah *in pari materia* dengan peruntukan di bawah s. 118(1) dan (2) Akta 166. Dalam mempertimbangkan persoalan sama ada Perjanjian Saraan tersebut adalah adil atau munasabah, saya telah menggunapakai ujian yang digunakan oleh Lord Esher MR dalam mempertimbangkan persoalan apakah yang dimaksudkan dengan adil (fair) atau munasabah (reasonable) di bawah s. 9 English Attorneys and Solicitors Act 1870.

[31] Selain itu, dalam pandangan saya, dalam mempertimbangkan persoalan sama ada Perjanjian Saraan itu adalah adil atau munasabah, pada awalnya hubungan di antara plaintif dan defendan hendaklah diambil kira. Dalam *Tara Rajaratnam v. Datuk Jagindar Singh & Ors* [1982] 1 LNS 106 Abdul Razak H menyatakan:

> Acting as a solicitor intrinsically creates a fiduciary relationship between a solicitor and his client which the solicitor cannot take advantage of since it imposes an obligation on its part to act with strict fairness and openness towards them. (Halsbury's Vol. 26 para 131). But a person need not be having fiduciary relationship with another for undue influence to arise if the relation between the parties are such that one of the parties is in a position to dominate the will of the other (section 16(2) Contract Act).

[32] Dalam keadaan hubungan antara plaintif dan defendan yang sedemikian, beban terletak di pihak plaintif selaku peguam dan "confidant" defendan, untuk membuktikan bahawa urusan-urusan di antara plaintif dan defendan telah dijalankan "at armslength" dan bahawa kehendak serta kebebasan defendan membuat keputusan telah tidak diatasi oleh kehendak plaintif. Hal ini dijelaskan oleh Mahkamah Agong Victoria dalam kes *Westmelton (VIC) Pty Ltd (Receiver And Manager Appointed) v. Archer And Shulman* [1982] VR 305, di ms 316:

> In saying that "neither test is satisfied", the learned trial Judge seems not to have adverted to the precise onus which lay upon the plaintiffs. With the greatest respect we think this was a misapprehension of the applicable law which was that, as the contract was one between two solicitors on the one hand and their client on the other hand, whereby the solicitors took from the client valuable rights, there was a rebuttable presumption of "undue influence" in the sense that there was clearly a burden of proof upon the plaintiff solicitors to show what Sir Owen Dixon called "full disclosure and fair and open dealing", that is to say, to satisfy the Court affirmatively that the client was not so overborne or influenced by the confidence that it entered an agreement into which it might not have entered had the confidence been absent or, as

A it is sometimes put, that there was no conscious or unconscious misuse of the confidence or, as it is also often put more briefly, that the transaction was honest and fair and at arm's length. (The present case cannot be viewed as one where the solicitors deliberately kept to themselves facts in order to gain some advantage for themselves.) It seems that the learned trial Judge, in saying that the first test was not B satisfied, was saying that the onus was not satisfied of proving that the solicitor-client relationship was such that arm's length and full disclosure was required. Any such onus must logically have lain upon the defendant, whereas the law requires that, wherever a solicitor takes a benefit from his client, arm's length and full disclosure are automatically required, and the onus is upon the solicitor (not the C client) to show that they were there.

[34] Mahkamah tersebut juga menyatakan (di ms 320):

The true rule, necessarily general, will be found again summarized in two cases referred to Kaye, J during the argument of this appeal, D namely *Union Fidelity Trustee Co. of Australia Ltd. v. Gibson* [1971] V.R. 573, at pp. 575-7 and *Re Brocklehurst (Decd)* [1977J3 WLR 697, at pp. 712-3; [1978] 1 Ch. 14, at pp. 36-7; [1978] 1 All ER 767, at pp. 779-80. *Each supports the view that the true test is whether the person in whom the confidence is reposed (the confidant) has rebutted the prima facie presumption by showing that the "client" acted of his own free will and* E *was not materially affected by the confidence reposed in the confidant,* and each shows that the giving or recommending of advice is not the only way of proving that the relevant acts were the uninfluenced acts of the client.

F **[35]** Seterusnya, dalam mempertimbangkan sama ada Perjanjian Saraan itu adil atau munasabah, saya telah menimbangkan keterangan berikut:

(1) Walaupun terdapat perintah persetujuan tersebut, pada awalnya, defendan masih tidak memperolehi 5,000 ekar tanah di Kerteh G Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession. Sebaliknya, Kerajaan Negeri Terengganu telah memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu (Saman Pemula No. 24(21)-66-1997), untuk mendapatkan pengisytiharan bahawa perintah persetujuan tersebut tidak mengikat mereka H atau tidak sah di sisi undang-undang. Keterangan ini penting untuk membuktikan keadaan yang membawa kepada dan yang menyelubungi pembuatan Perjanjian Saraan tersebut. Keterangan ini juga menunjukkan keadaan defendan yang gusar dan desperate pada masa yang material.

I (2) Apa yang dikatakan oleh plaintif sendiri tentang bagaimana Perjanjian Saraan (DMN2, kandungan 2) dibuat. Dalam afidavitnya (di kandungan 2), Dato' Mokhtar Ngah menyatakan:

7. Disebabkan segala usaha yang dilaksanakan oleh defendan telah mengalami jalan buntu dan Pihak Berkuasa Negeri iaitu Kerajaan Negeri Terengganu telah menolak secara muktamad pemberian tanah kepada defendan walau seincipun maka keperluan pengendalian kes adalah amat rumit sekali.

8. Oleh sebab itu maka defendan telah bersetuju melaksanakan kuasa pelantikan dan bertindak sebagai peguamcara dan Perunding dengan kelayakan dan latar belakang yang ada pada saya sebagaimana perjanjian bertarikh 18.8.1997 dan Perjanjian/kontrak Imbuhan bertarikh 26.8.1997 kerana begitu terdesak untuk mendapatkan tanah yang begitu bernilai tersebut. Bagi plaintif menyedari implikasi dan akibat yang amat berat dalam mengendalikan tindakan tersebut hanya bersetuju sekiranya satu perjanjian berkait dengan imbuhan dapat dipersetujui oleh defendan. Defendan memberi pengakuan dan bersetuju akan terma-terma serta kaedah pembayaran sementara Pengerusi dan Pengarahnya Lim Yee Teck menegaskan mereka adalah "gentlemen". Intipati perjanjian tersebut adalah mudah iaitu kos antara pihak ke pihak sekiranya diaward oleh Mahkamah adalah hak Plaintif, bayaran progress yang minima serta jumlah dan kaedah pengiraan yuran/pembayaran imbuhan ditentukan (amount and method of calculation of fees/remuneration ascertained) satu pertiga dari nilai tanah atau jumlah nilai penyelesaian dicapai. Dikemukakan di sini Surat Pelantikan Kuasa Bertindak bertarikh 18.8.1997 berkait dengan kos pihak ke pihak bertanda "DMN1" dan Perjanjian Persetujuan Imbuhan diekshibit sebagai "DMN2".

   Berikutan dengan itu mempercayai dan bergantung kepada (relied on) perjanjian tersebut, maka plaintif di sini telah bertungkus lumus melaksanakan perkara-perkara yang perlu dan memfailkan dokumen-dokumen seperti writ, permohonan-permohonan serta juga menjaga setiap bentuk pengendalian kes yang memerlukan jagaan yang terperinci".

Dalam afidavitnya (kandungan 5) Dato' Mokhtar Ngah menyatakan:

5. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa fakta-fakta yang relevan adalah sebagaimana berikut:

Hak-hak Defendan di bawah Perintah Persetujuan 17.11.1991 telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri secara rasmi/muktamad.

(i) Perjanjian Persetujuan bertarikh 17.11.1991 di antara Pengarah Tanah dan Galian Terengganu, Pemungut Hasil Tanah Kemaman dan Menteri Besar Terengganu dengan defendan telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui surat bertarikh 23.4.1997. Tolakan pemberian tanah tersebut setelah Kerajaan Negeri mengambil kira bidang kuasa

A Kerajaan Negeri di bawah s. 42 Kanun Tanah Negara 1965 juga s. 291(b) Akta Prosiding Kerajaan 1956. Akibatnya tidak ada apa-apa tanah yang boleh dimiliki oleh defendan. Dikemukakan di sini penolakan Kerajaan Negeri tersebut bertanda ekshibit "DMN 10".

B Lantikkan Plaintif sebagai Peguamcara:
Surat bertarikh 18.8.1997 – "DMN 1"

(ii) Disebabkan oleh kerumitan kes dan Pihak Berkuasa Negeri adalah merupakan badan yang mutlak yang boleh meluluskan hak-hak ke atas tanah maka plaintif memaklumkan hanya
C bersetuju mengendalikan kes sekiranya defendan boleh bersetuju berkait dengan pembayaran kos serta juga berkait dengan imbuhan sebagaimana perjanjian 18.8.1997 iaitu sebagaimana ekshibit DMN1.

Lantikan Plaintif sebagai Perunding:
D Surat Bertarikh 26.8.1997 – "DMN 2"

(3) Apa yang dikatakan oleh plaintif sendiri tentang "kelebihan" yang dimilikinya untuk berunding dengan pihak Berkuasa Negeri Terengganu. Sehubungan ini di perenggan 5 dalam afidavitnya di kandungan 10A, Dato' Mokhtar menyatakan:

E Saya sesungguhnya menegaskan bahawa kegusaran defendan ketika itu adalah tidak dapat memiliki Hakmilik tanah ke atas 10.000 ekar tanah. 5,000 ekar berhampiran Lapangan Terbang Kerteh dan 5,000 lagi di berhampiran kawasan Ketengah. Segala usaha defendan telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri (State
F Authority) iaitu Pihak Berkuasa tertinggi bagi kelulusan kurniaan tanah approval of land alienation).

Di samping itu kepentingan defendan mengenai tanah ini sebelum pada itu hanyalah pemegang lease kecil yang hanya tinggal beberapa tahun sahaja berbaki. Saya sesungguhnya
G menyatakan dalam suasana itu penyusunan dengan plaintif, plaintif adalah bertanggung untuk mengatur kaedah cara melalui prosiding mahkamah dan rundingan untuk mendapat balik hak defendan dengan kos pihak ke pihak diterima oleh plaintif sekiranya diaward oleh mahkamah serta kaedah imbuhan defendan dikira sebagaimana terkandung dengan tepat dan jelas
H dalam ekshibit "DMN 2" iaitu bayaran kemajuan dari masa ke semasa dan satu pertiga dan nilai tanah ditaksirkan. Ianya langsung tidak bergantung kepada walau bagaimana keputusan bicara. Saya begitu yakin berusaha dalam perkara ini disebabkan antaranya, sebelum beramal sebagai Peguambela dan Peguamcara saya telah pun berkhidmat di Tingkat 16 Wisma
I Darul Iman sebagai Pegawai di pejabat Menteri Besar Terengganu di mana Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad

terdahulunya adalah Menteri Besar Terengganu ketika itu dan juga berpertalian agak rapat dengan Pegawai utama Kerajaan Negeri yang mana memberi peluang kepada saya untuk berunding secara langsung dan terus pada mana-mana peringkat yang perlu.

Di perenggan 8 kandungan 10A, Dato' Mokhtar menyatakan:

Dalam melaksanakan kerja-kerja itu plaintif pula telah bergantung sepenuhnya (relied on) kepada perjanjian imbuhan bertarikh 26.8.1997 (Ekshibit "DMN 2"). Dengan itu adalah jelas bahawa tugas yang penting ini adalah dilaksanakan pada peringkat rundingan antara plaintif dan pihak-pihak yang terlibat yang dilaksanakan oleh saya selaku perunding (negotiator) mewakili defendan ketika itu.

Peranan sebagai perunding dengan Kerajaan Negeri ini bukan boleh dilaksanakan oleh mana sebarang orang. Ianya memerlukan pertalian yang khusus di mana kebetulan di sini Setiausaha Kerajaan negeri ketika itu iaitu Dato Senara Muda Dato Mazlan bin Hashim adalah merupakan besan saya iaitu bapa mertua kepada anak saya yang memboleh saya bercakap dan berunding dengan kaedah yang mudah dan terus bagi merundingkan perkara-perkara yang rumit dan impak yang besar ini, di mana melalui usaha-usaha tersebutlah hasil dari usaha ini beroleh kejayaan.

[35] Jadi, dari apa yang diakui sendiri oleh plaintif, defendan berada dalam keadaan begitu terdesak. Defendan menjadi begitu desperate apabila pihak berkuasa Negeri Terengganu tidak mematuhi perintah persetujuan tersebut. Dalam pengamatan saya, dalam keadaan di mana defendan berada dalam kegusaran dan tersepit itulah perjanjian dalam DMN1, kandungan 2 dan Perjanjian Saraan tersebut (DMN2, kandungan 2) telah dibuat. Menyedari keadaan defendan yang begitu terdesak dan desperate itulah plaintif telah mengenakan syarat bahawa dia bersetuju untuk mengendalikan tindakan (untuk mendapatkan tanah tersebut) hanya jika defendan bersetuju memberikan imbuhan kepada plaintif seperti yang telah dinyatakan dalam DMN1, kandungan 2 dan Perjanjian Saraan (DMN2, kandungan 2).

[36] Saya juga telah mempertimbangkan persoalan sama ada defendan telah benar-benar faham tentang skop dan implikasi Perjanjian Saraan tersebut? Adakah ianya diterangkan dengan jelas oleh plaintif kepada defendan?.

[37] Dari keterangan afidavit yang ada di hadapan mahkamah, jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut adalah "tidak". Seperti yang telah saya jelaskan, dari apa yang telah dinyatakan dalam afidavit-afidavit plaintif sendiri, keadaan defendan sebelum Perjanjian Saraan tersebut dipersetujui, adalah anak guam yang berada dalam keadaan yang begitu terdesak apabila ia gagal mendapatkan 10,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan Ketengah Concession. Itu yang diulang dan ditekankan oleh plaintif. Soal penerangan kepada defendan tentang implikasi perjanjian dalam Authority/Warrant to Act dan Perjanjian Saraan tersebut tidak dijelaskan oleh plaintif. Setelah menimbangkan keadaan-keadaan yang membawa kepada kedua-dua dokumen tersebut dibuat, khususnya Perjanjian Saraan tersebut, saya memutuskan bahawa pada masa yang material, defendan berada dalam keadaan yang tidak setara dengan plaintif. Plaintif berada dalam keadaan yang lebih advantageous jika dibandingkan dengan defendan. Dalam penghakiman saya, keadaan tersebut telah memberikan kesempatan kepada plaintif, dan kesempatan tersebut telah diambil oleh plaintif untuk mempengaruhi defendan (yang berada dalam keadaan desperate) untuk mendapatkan bargain yang memberi kelebihan kepadanya (plaintif) dalam bentuk Perjanjian Saraan tersebut. Saya memutuskan bahawa Perjanjian Saraan itu adalah tidak adil.

[38] Seterusnya saya telah mempertimbangkan persoalan sama ada Perjanjian Saraan tersebut adalah munasabah. Sehubungan ini saya telah mengambil kira keterangan-keterangan berikut:

(1) Berikutan dengan perjanjian lisan yang dibuat di antara plaintif dan defendan, plaintif telahpun dibayar oleh defendan bayaran berjumlah RM148,000.

(2) Seminggu sebelum DMN2 dibuat, DMN1 telah dibuat. Di bawah DMN1 defendan bersetuju bahawa:

> If the court award party and party cost in addition to fulfilment applicable normal scale under the act, costs received shall be put into your office accounts as partial payments towards disbursements/fees for the matters.

[39] Di bawah DMN1 itu, seperti yang dijelaskan oleh plaintif "kos pihak ke pihak diterima oleh plaintif sekiranya diaward oleh mahkamah".

[40] Dalam membuat pertimbangan selanjutnya tentang persoalan sama ada Perjanjian Saraan tersebut munasabah atau tidak, saya telah mempertimbangkan persoalan apakah sebenarnya kerja-kerja

yang telah dilakukan oleh plaintif? Saya dapati berikutan dengan perjanjian lisan yang dibuat di antara plaintif dan defendan, plaintif telah pun dibayar bayaran berjumlah RM148,000 bagi kerja-kerja yang telah dilakukannya. Saya juga mendapati bahawa bagi mengendalikan rayuannya di Mahkamah Rayuan (berkenaan keputusan Mahkamah Tinggi dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-97 yang tidak memihak kepadanya), defendan telah juga melantik peguam RR Sethu sebagai kounsel kanannya. Untuk perkhidmatannya itu defendan telah pun menjelaskan feenya berjumlah RM120,000. Pada 12 Jun 2000, Mahkamah Rayuan telah pun membenarkan rayuan defendan dengan kos dan dengan itu perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu dalam Saman Pemula No. 24(21)-66-97 diketepikan, dan yang lebih penting lagi ialah perintah persetujuan tersebut telah dihidupkan semula. Perintah persetujuan tersebut antara lainnya, memerintahkan pihak berkuasa Negeri Terengganu memindahkan kepada defendan 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession. Jadi, apakah lagi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh plaintif untuk mewajarkannya dibayar imbuhan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Saraan tersebut tersebut? Di perenggan 6 dalam afidavit balasan plaintif (4) (Kandungan 10A). Dato' Mokhtar menyatakan bahawa, "kes tersebut tidak habis di situ kerana perkara di Mahkamah Rayuan hanyalah mengisytiharkan sama ada Kerajaan Negeri terikat dengan perintah persetujuan atau sebaliknya, yang mana daripada situ masih terbuka bagi Kerajaan Negeri untuk tidak menyetujui atau mengendahkan apa-apa hak perisytiharan yang dibuat di mana-mana pun sebagaimana apa yang telah terjadi pada perintah persetujuan di Mahkamah Tinggi sebelumnya".

[41] Jadi, menurut plaintif tindakan perlu diambil untuk memaksa Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyerahkan hakmilik 10,000 ekar tanah tersebut kepada defendan dan "kerja-kerja berat dan penting ini" dipertanggungjawabkan oleh defendan kepadanya. Di perenggan 7 afidavit tersebut Dato' Mokhtar menyatakan:

> Kedudukan itu masih memerlukan penguatkuasaan untuk memaksa (compelling) Kerajaan Negeri melaksanakan serta menyerah hakmilik tanah. Dengan itu bagi mendapatkan tanah kes *YSP* tidak berhenti di situ. Kerja-kerja masih diteruskan bagi mendapat Kerajaan Negeri memberikan hakmilik tanah ke atas 10,000 ekar tanah tersebut.
>
> Maka di sinilah kerja-kerja penting dan berat ini yang terus dipertanggungjawab oleh defendan untuk dilaksanakan oleh saya selaku pemilik tunggal Tetuan Mokhtar Ngah & Co.

[42] Menurut plaintif, untuk menggerakkannya dan mendorongnya menjalankan kerja-kerja yang berat dan penting itu dia bergantung kepada Perjanjian Saraan tersebut. Saya ulangi apa yang diikrarkan oleh Dato' Mokhtar Ngah di perenggan 8 kandungan 10A:

> Dalam melaksanakan kerja-kerja itu plaintif pula telah bergantung sepenuhnya (relied on) kepada perjanjian imbuhan bertarikh 26.8.1997 (Ekshibit "DMN 2"). Dengan itu adalah jelas bahawa tugas yang penting ini adalah dilaksanakan pada peringkat rundingan antara plaintif dan pihak-pihak yang terlibat yang dilaksanakan oleh saya selaku perunding (negotiator) mewakili defendan ketika itu.
>
> Peranan sebagai perunding dengan Kerajaan Negeri ini bukan boleh dilaksanakan oleh mana sebarang orang. Ianya memerlukan pertalian yang khusus di mana kebetulan di sini Setiausaha Kerajaan Negeri ketika itu iaitu Dato Senara Muda Dato Mazlan bin Hashim adalah merupakan besan saya iaitu bapa mertua kepada anak saya yang memboleh saya bercakap dan berunding dengan kaedah yang mudah dan terus bagi merundingkan perkara-perkara yang rumit dan impak yang besar ini, di mana melalui usaha-usaha tersebutlah hasil dari usaha ini beroleh kejayaan.

[43] Dalam penghakiman saya, tiada asas yang kukuh dan tiada keterangan dikemukakan untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu akan enggan mematuhi perintah Mahkamah Rayuan yang dibuat pada 12 Jun 2000. Malah keterangan tentang apa yang berlaku selepas perintah Mahkamah Rayuan itu dibuat, jelas membuktikan keakuran pihak berkuasa negeri tersebut dan tindakan-tindakan yang diambil bagi pihaknya untuk mematuhi perintah Mahkamah Rayuan. Terdapat keterangan yang membuktikan bahawa pada 14 Ogos 2000 (DMN12 dan DMN13 kandungan 5), telah ada mesyuarat di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu di antara plaintif Encik Alex KC Lim, Encik Lim Yee Bee (Pengarah Urusan defendan), peguam Encik Balwant Singh dan YB Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu. Dalam mesyuarat tersebut beberapa persetujuan telah dicapai ke arah pelaksanaan perintah Mahkamah Rayuan tersebut, termasuk pemberian milik tanah di Kerteh Concession dan di Ketengah Concession kepada defendan. Terdapat juga keterangan untuk menunjukkan bahawa pada 15 November 2000 pihak berkuasa Negeri Terengganu telah meluluskan kepada defendan 5,000 ekar tanah Kerteh Concession. Jadi, dakwaan plaintif bahawa Kerajaan Negeri Terengganu perlu dipaksa untuk mematuhi perintah Mahkamah Rayuan tersebut adalah tidak berasas. Di dalam memperjuangkan kewajarannya untuk memperolehi imbuhan seperti dalam Perjanjian Saraan tersebut, plaintif telah menekankan soal "kelebihannya", networkingnya dan

hubungannya yang rapat dengan agensi-agensi dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Terengganu, yang menurut plaintif, akhirnya telah menyebabkan 10,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan Ketengah Concession dipindah milik kepada defendan. Plaintif mendakwa "kelebihannya", networkingnya dan hubungannya yang baik tersebut terbit dari pengalamannya berkhidmat sebagai pegawai di Pejabat Menteri Besar Terengganu, sebelum beramal sebagai peguambela peguamcara, dan ini telah membolehkannya "berunding secara langsung dan terus pada mana-mana peringkat yang perlu". Seperti yang telah dinyatakan di dalam afidavitnya, plaintif mendakwa bahawa rundingan dengan Kerajaan Negeri tidak boleh dilaksanakan "oleh sebarang orang". Plaintif mendakwa bahawa "ianya memerlukan pertalian yang khusus" di mana secara kebetulan, Setiausaha Kerajaan Negeri pada masa yang material adalah besannya, yang membolehkan plaintif "bercakap dan berunding dengan kaedah yang mudah dan terus bagi merundingkan perkara-perkara yang rumit dan impak yang besar ini, di mana melalui usaha-usaha tersebutlah ... beroleh kejayaan".

[44] Bagi saya apa yang didakwa oleh plaintif itu (yang merupakan asas kesnya) menimbulkan persoalan-persoalan berikut:

(1) Apakah butir-butir tentang perkara-perkara yang memerlukan plaintif "berunding secara langsung dan terus pada mana-mana peringkat yang perlu itu"?

(2) Berapa kali dan di peringkat mana rundingan tersebut telah diadakan?

(3) Apakah butir-butir tentang "perkara-perkara yang rumit" yang mempunyai impak besar yang telah dirundingkan oleh plaintif dengan "kaedah yang mudah dan terus" itu?

(4) Berapa kali rundingan seperti yang didakwa oleh plaintif itu telah dilakukan?

(5) Apakah peranan yang dimainkan oleh besan plaintif, dan sejauhmana hubungan plaintif dengan besannya itu dan/atau orang-orang lain yang berkhidmat dengan pihak berkuasa Negeri Terengganu, telah mempengaruhi keputusan pihak berkuasa Negeri untuk memberikan tanah-tanah di Kerteh Concession dan Ketengah Concession kepada defendan?

[45] Saya dapati tiada keterangan diberikan oleh plaintif untuk membolehkan mahkamah ini mencari jawapan dan membuat kesimpulan dari persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan itu. Kerja-kerja seperti yang didakwa oleh plaintif mungkin "besar" dan "rumit" bunyinya. Tetapi dalam memperkatakan soal imbuhan yang munasabah, yang penting ialah apakah keterangan yang membuktikan bahawa kerja-kerja yang didakwa oleh plaintif itu telah sebenarnya dilaksanakan olehnya? Dalam penghakiman saya, inilah yang gagal dilakukan oleh plaintif. Dakwaan-dakwaan secara umum oleh plaintif tentang kerja-kerja yang dikatakan telah dibuat olehnya itu adalah tidak memadai. Keputusan untuk meluluskan pemberian 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri Terengganu melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (Executive Council) Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh Menteri Besar dan dianggotai juga oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Raja Pemerintah dari kalangan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Setiausaha Kerajaan Negeri, seperti juga Penasihat Undang-undang Negeri menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri sebagai ahli-ahli *ex officio*. Tetapi di bawah undang-undang, Setiausaha Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak untuk mengundi apabila Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut membuat pertimbangan dan keputusan di dalam sesuatu perkara. Sehubungan ini, dokumen-dokumen dan rekod-rekod tentang pertimbangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan itu adalah rahsia rasmi di bawah s. 2 Akta Rahsia Rasmi 1972. Di dalam kes ini tiada keterangan dikemukakan oleh plaintif untuk membuktikan bahawa keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam meluluskan 5,000 ekar tanah di Kerteh Concession dan 5,000 ekar tanah di Ketengah Concession telah dipengaruhi atau disebabkan oleh kerja-kerja yang telah dibuat atau usaha-usaha yang telah diambil oleh plaintif sendiri dan/atau melalui Setiausaha Kerajaan Negeri dan/atau Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang lain. Malah tiada keterangan dikemukakan untuk membuktikan kaitan yang munasabah dan meyakinkan di antara keputusan pihak berkuasa negeri tersebut dengan usaha-usaha yang didakwa oleh plaintif telah diambilnya. Ini membawa saya kepada kes *Asbir, Hira Singh & Co v. Supramaniam Pitchaimuthu & Ors* [2000] 1 CLJ 7 yang dirujuk oleh plaintif dalam hujahnya. Dalam pengamatan saya, kes tersebut tidak dapat membantu plaintif. Seperti dalam kes di hadapan saya ini, dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi Ipoh juga telah menggunapakai tafsiran tentang perkataan "adil" atau "munasabah" yang telah digunakan oleh Lord Esher MR dalam kes *Re Stuart*. Tetapi dari segi fakta-faktanya kes

tersebut boleh dibezakan dari kes di hadapan saya. Tidak seperti dalam kes ini, di dalam kes *Asbir Hira Singh* itu. Mahkamah telah mendapati bahawa banyak kerja telah dilakukan oleh plaintif dari 1992 hingga 1996. Dalam kes tersebut juga mahkamah mendapati bahawa bayaran RM40,000 seperti yang dipersetujui oleh pihak-pihak adalah adil dan munasabah, dan yang lebih penting lagi ialah mahkamah mendapati bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa plaintif merupakan pihak yang dominan di dalam tindakannya ke atas defendan. Oleh yang demikian, pada hemat saya memang wajar mahkamah membenarkan perjanjian (yang dipertikaikan) dalam kes itu dikuatkuasakan.

[46] Akhirnya, saya mendapati bahawa tiada terdapat bukti yang mencukupi dan meyakinkan untuk menunjukkan bahawa adalah munasabah bagi plaintif menerima bayaran pada kadar 1/3 dari jumlah penghakiman atau jumlah yang dipersetujui (agreed/judgment/sum/value) seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Saraan. Saya memutuskan bahawa Perjanjian Saraan tersebut adalah tidak munasabah dan adalah batal (void).

Authority/Warrant To Act (DMN 1, Kandungan 2)

[47] Dokumen dalam DMN1, kandungan 2, yang mengandungi perjanjian untuk memberikan kos pihak ke pihak sebagai habuan kepada plaintif dibuat hanya seminggu sebelum Perjanjian Saraan dibuat. Keadaan yang membawa kepada perjanjian dalam DMN1 dan Perjanjian Saraan dibuat adalah sama. Hal ini adalah jelas dari apa yang diakui sendiri oleh plaintif di perenggan 7 dan 8, Kandungan 2 dan juga di perenggan 5(ii), kandungan 5 yang telah pun dirujuk dan dipetik sepenuhnya dalam penghakiman ini. Oleh yang demikian, di dalam memutuskan sama ada perjanjian yang terdapat dalam DMN1, kandungan 2 itu adalah adil atau munasabah, saya telah mempertimbangkan keterangan dan perkara-perkara yang sama. yang telah diambil kira di dalam membuat keputusan sama ada Perjanjian Saraan tersebut adalah adil atau munasabah.

[48] Setelah membuat pertimbangan sedemikian, saya memutuskan bahawa perjanjian dalam DMN1, kandungan 2 adalah tidak adil dan tidak munasabah, dan adalah batal.

[49] Dalam kes ini juga, oleh kerana defendan telah membuat keputusan untuk tidak menuntut kos defendan, hak plaintif untuk set off kos defendan dengan fee guaman telah menjadi redundant.

A

Keputusan

[50] Berdasarkan kepada huraian yang telah dibuat, mahkamah memerintahkan supaya Perjanjian Saraan tersebut dan juga Authority/Warrant to Act tersebut diserahkan untuk pembatalan (cancellation). Selanjutnya, mahkamah ini memerintahkan supaya apa-apa kos, fee dan perbelanjaan yang dikatakan telah dibuat dan ditanggung mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam dokumen-dokumen tersebut hendaklah ditaksirkan (taxed) dengan cara yang sama dan menurut kaedah-kaedah yang sama seolah-olah dokumen-dokumen tersebut tidak dibuat, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 118(3) Akta 166.

B

C

[51] Permohonan plaintif dalam saman pemula (kandungan 2) ditolak dengan kos.

D

E

F

G

H

I